

# KPT rangka tindakan kebolehpasaran siswazah IPT



Universiti Malaysia  
KELANTAN



## SESI RAMAH MESRA

YBHG. DATUK AB. RAHIM BIN MD. NOOR

Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi



KOTA BHARU 24 Mac - Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) telah menetapkan sasaran sekurang-kurangnya 75 peratus graduan institusi pengajian tempatan mendapat pekerjaan yang bersesuaian dengan kursus atau program pengajian mereka ambil selepas enam bulan menamatkan pengajian.

Ketua Setiausaha KPT, YBhg. Dato' Ab. Rahim bin Mohd Noor berkata, dalam usaha mencapai sasaran itu sejumlah 70 juta telah diperuntukkan di bawah KPT bagi pelaksanaan Program Kebolehpasaran Graduan manakala sejumlah RM30 juta diperuntukkan bagi Program Keusahawanan Pelajar.

Beliau berkata, dua program berimpak tinggi ini merupakan inisiatif KPT untuk melaksanakan Program Kebolehpasaran Pelajar (PKP) yang merupakan salah satu inisiatif penting bagi memenuhi keperluan guna tenaga profesional dan mahir bagi pembangunan negara.



"Pendekatan yang diambil ini adalah sejajar dengan matlamat Teras Ke-2 Pelan Strategik Pengajian Negara (PSPTN), yang telah dilaksanakan secara bersepadu dibawah program Pembangunan Nilai Tambah Pelajar, Program Kebolehdapatan Kerja

Graduan dan Program Kolaborasi Bersama Agensi-Agenzi Kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita semasa Gerak Mesra Program Kebolehpasaran Graduan KPT-UMK dan Sesi Ramah Mesra Bersama Majlis Perwakilan Pelajar UMK, di UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan, pada 24 Mac 2013.

Hadir sama, Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Madya Abd. Aziz bin Ab. Latif, Setiausaha Bahagian Perancangan dan Penyelidikan KPT, YBrs. En. Suhaime bin Mahbar dan Pendaftar UMK, YBhg. Prof. Dr. Razli bin Che Razak.

Sementara itu, pihak KPT akan melaksanakan pelbagai program yang berfokus dan lestari untuk memperkasakan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan yang didapati masih lemah menyebabkan mereka sering kali gagal dalam sesi temu duga.



Menurut Dato' Ab. Rahim, pihak KPT mendapati faktor utama graduan gagal mendapat pekerjaan ialah kerana kelemahan bahasa Inggeris dan pelajar IPT dilihat memiliki tahap berkomunikasi yang rendah dan perkara tersebut diakui serta sering kali dibangkitkan oleh pihak industri.

Sehubungan itu, beliau berharap pelajar akan diberi motivasi dan didedahkan dengan ekosistem yang membolehkan mereka belajar dan berkomunikasi dalam bahasa Inggeris.

"Pelajar kita ini dari segi peperiksaan mereka bagus, dari segi penguasaan dan komunikasi mereka lemah. Mereka boleh menjawab soalan, tetapi bercakap, temuduga, ceramah tidak sampai tahap yang memuaskan. Kita akan memperkasakan penguasaan bahasa Inggeris ini," jelasnya.



---

**Oleh :** Syarimie Woseley / **Foto :** Azam Razi / **Hebahan :** berita@umk.edu.my